

---

## **ARAK DAN MINUMAN-MINUMAN YANG MEMABUKKAN MENURUT PANDANGAN ULAMA EMPAT MAZHAB DAN FATWA**

### *LIQUOR AND INTOXICATING DRINKS ACCORDING TO SCHOLARS' VIEW OF FOUR MAZHAB AND FATWA*

Setiyawan Gunardi

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

E-mail: setiyawan@usim.edu.my

#### **ABSTRAK**

Syariat Islam telah mengharamkan penggunaan arak sebagai minuman dan telah menetapkan hukuman hudud kepada pesalah. Isu permasalahan yang timbul adalah dengan adanya pelbagai jenis minuman selain arak pada masa kini yang juga boleh memabukkan baik dengan prosesnya secara mutlak seperti bir mahupun perubahannya secara semula jadi seperti perapan anggur. Isu tersebut telah dibahaskan oleh para ulama' fuqaha' 4 mazhab. Arak bukan sahaja minuman yang dihasilkan dari perahan buah anggur, malah para ulama' fuqaha' empat Mazhab juga mendefinisikan arak sebagai segala minuman yang memabukkan. Akan tetapi, terdapat perselisihan pendapat antara mereka mengenai beberapa keadaan yang membolehkan sesuatu minuman itu dikategorikan sebagai arak. Mereka bersepakat dalam menetapkan 40 sebatan bagi hukuman had minum arak. Namun, Mazhab Hanafi berbeza dalam membahagikan hukuman had minum arak kepada dua iaitu hukuman had minum dan had mabuk. Selain itu juga, mereka mempunyai pandangan yang berbeza tentang syarat perbuatan minum itu bagi mensabitkan seseorang bersalah serta dihukum had minum arak. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi menjelaskan perbezaan pendapat tentang arak di kalangan empat mazhab Islam dan fatwa ini.

**Kata Kunci:** *Arak, Maqasid, 'Illah dan Hudud*

#### **ABSTRACT**

*Islamic law has banned the use of alcohol as a drink and has imposed hudud penalties on offenders. The issue of problems arises is that there are various types of beverages besides today's alcohol which can also be intoxicating with the process completely as beer as well as natural changes such as grapefruit. The issue has been debated by scholars of 'fuqaha' 4 schools. Alcohol is not just a drink produced from grape extraction, but even the four scholars of 'fuqaha' Mazhab also define alcohol as all intoxicants. However, there is a disagreement between them about some of the circumstances that allow a drink to be categorized as alcohol. They agreed in fixing 40 strokes for liquor limits. However, the Hanafi School differs in the distribution of alcohol limits to the two who are drinking and drinking limits. In addition, they have a different view on the condition of the drinking to convict a person and to punish the drinking limit. Therefore, this study was made to explain the differences in opinion about alcohol among these four Islamic sects and fatwa.*

**Keyword (s):** *Alcohol, Maqasid, 'Illah and Hudud*

#### **PENDAHULUAN**

Islam sentiasa mementingkan kebaikan umatnya. Lantaran itu, arak diharamkan bagi menjaga kesihatan akal manusia terutamanya. Pengharaman arak ini adalah selari dengan Maqasid Syariah yang menjaga kesempurnaan akal manusia bagi menutup segala jalan-jalan keburukan yang mungkin berlaku

sekiranya ia diharuskan. Sifat arak yang memabukkan menjadi ‘illah atau sebab pengharamannya. Oleh kerana pengharamannya dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran maka didatangkan juga dalil bagi hukuman had kepada pesalah. Beberapa kaidah-kaidah fiqh juga dapat diaplikasikan dalam menentukan hukum bagi permasalahan yang berkaitan. Fatwa tentang penggunaan arak juga telah banyak dikeluarkan bagi menjawab persoalan yang timbul dari semasa ke semasa. Oleh kerana terdapat pelbagai jenis arak dan minuman selainnya yang juga boleh memabukkan, maka para ulama berbeza pendapat dalam mendefinisikan arak. Definisi tersebut dikaitkan dengan dalil-dalis nas daripada al-Quran dan as-Sunnah yang menjelaskan tentang arak, kemudian ditafsirkan dengan lebih terperinci tentang keadaan yang membolehkan sesuatu minuman itu dikategorikan sebagai arak. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa arak bukan sahaja dihasilkan melalui perahan anggur malah segala yang memabukkan juga adalah arak. Islam sentiasa mementingkan kebaikan umatnya. Lantaran itu, arak diharamkan bagi menjaga kesihatan akal manusia terutamanya. Pengharaman arak ini adalah selari dengan Maqasid Syariah yang menjaga kesempurnaan akal manusia bagi menutup segala jalan-jalan keburukan yang mungkin berlaku sekiranya ia diharuskan. Sifat arak yang memabukkan menjadi ‘illah atau sebab pengharamannya. Oleh kerana pengharamannya dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran maka didatangkan juga dalil bagi hukuman had kepada pesalah. Beberapa kaidah-kaidah fiqh juga dapat diaplikasikan dalam menentukan hukum bagi permasalahan yang berkaitan. Fatwa tentang penggunaan arak juga telah banyak dikeluarkan bagi menjawab persoalan yang timbul dari semasa ke semasa. Oleh kerana terdapat pelbagai jenis arak dan minuman selainnya yang juga boleh memabukkan, maka para ulama berbeza pendapat dalam mendefinisikan arak. Definisi tersebut dikaitkan dengan dalil-dalis nas daripada al-Quran dan as-Sunnah yang menjelaskan tentang arak, kemudian ditafsirkan dengan lebih terperinci tentang keadaan yang membolehkan sesuatu minuman itu dikategorikan sebagai arak. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa arak bukan sahaja dihasilkan melalui perahan anggur malah segala yang memabukkan juga adalah arak.

## DEFINISI ARAK

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, arak didefinisikan sebagai sejenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan. Ia juga sering disebut sebagai minuman keras. Di dalam perkataan Arab pula, arak disebut sebagai khamar ( خمر ). Dari segi bahasa, khamar membawa maksud menutup, iaitu menutup akal fikiran manusia dari kewarasan. Dari segi istilah, para fuqaha telah bersepakat mendefinisikan khamar sebagai semua minuman hasil dari perahan buah anggur, yang haram diminum kerana kesannya yang memabukkan. Dr Yusuf Qardawi mendefinisikan arak sebagai semua minuman yang memabukkan yang diperbuat dari biji-bijian atau buah-buahan dengan diproses sehingga mencapai kadar alkohol yang memabukkan (Qardawi, Yusuf 1998: 349).

Di dalam al-Quran ada disebut tiga ayat mengenai arak. Ketiga-tiga ayat tersebut menyatakan peringkat-peringkat kepada hukum pengharamannya. Jelasnya, arak mempunyai banyak keburukan padanya dan memberi kesan yang buruk kepada si peminum. Arak merupakan induk segala keburukan. Allah tidak menerima solat selama empat puluh hari bagi sesiapa yang meminum arak. Jika seorang peminum arak itu meninggal sebelum ia sempat bertaubat, maka ia tidak akan masuk Syurga, (Nik Nizam Nasir. 2015: 228) sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

لا يدخل الجنة عاق ولا مدمن خمر

(Riwayat an-Nasa'ie : 8/128)

Maksudnya: Tidak masuk Syurga sesiapa yang menderhaka kepada kedua ibu bapanya dan penagih arak.

Menurut ulama' Mazhab Hanafi, termasuk Ibnu Syubrumah, Ibrahim al-Nakha'ie, Syuraik, Sufian al-Thauri, Ibnu Abi Laila dan majority ulama' Basrah, mereka berpendapat bahawa arak atau disebut sebagai *al-Khaus* ( الخوس ) merupakan perahan anggur mentah yang dimasak atau diperam sehingga buihnya hilang dan hasilnya memabukkan (Al-Sarakhasi. 1409H/1989: 24/18). Pandangan lain dari ulama' Mazhab itu oleh Muhammad Hassan as-Shaibani dan Abu Yusuf al-Kufi, mereka berpendapat bahawa tidak disyaratkan perahan anggur itu hingga berbuih. Pendapat ini adalah paling rajih iaitu yang paling kuat dan tepat di sisi Mazhab Hanafi (Al-Kasani. 1982: 112). Tetapi Imam Abu

Hanifah meletakkan syarat berbuih pada perahan anggur tersebut untuk dikategorikan sebagai arak kerana ia menjadi penyebab air perapan tersebut memabukkan.

## Dalil

### (1) Dalil al-Quran

Arak merupakan salah satu minuman amalan tradisi masyarakat Arab pada zaman Jahiliyah. Setelah kedatangan Islam, Syariat telah mengharamkan perbuatan meminum arak. Pengharaman arak telah dijelaskan di dalam nas al-Quran secara berperingkat. Peringkat pertama Allah menyatakan bahawa pada arak itu terdapat kebaikan dan keburukan, namun keburukannya lebih besar. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam al-Baqarah 2: 219:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya”.

Pada peringkat yang seterusnya, Allah melarang perbuatan minum arak sebelum menunaikan solat lantaran ia merupakan suatu amalan yang kotor (رجس). Allah juga telah menjelaskan bahawa arak termasuk dalam salah satu antara perbuatan keji dan merupakan amalan syaitan sebagaimana firman Allah s.w.t dalam al-Maidah 5: 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رَجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan”.

Akhir sekali, Allah menegaskan bahawa arak itu dapat menimbulkan permusuhan sesama manusia dan boleh menghalang seseorang dari mengingati Allah dan solat. Melalui peringkat yang terakhir ini juga, Allah telah melarang manusia dari melakukan perbuatan itu sebagaimana disebut di dalam dalil al-Quran, al-Maidah 5: 91:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) khamar dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingati Allah dan sembahyang; maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu)”.

### (2) Dalil as-Sunnah

Hadis riwayat Jabir bin Abdullah, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

عن جابر بن عبد الله قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ما أسكر كثيره فقليله حرام

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdullah, Rasulullah s.a.w bersabda: “Apa yang banyaknya memabukkan, maka sedikitpun haram”.

Rasulullah tidak sahaja melarang perbuatan minum arak, malah segala perbuatan yang berkaitan dengan urusan jual beli arak juga turut dilarang. Rasulullah telah bersabda:

لعن الله الخمر وشاربها وساقيتها وبتاعها ومبتاعها وعاصرها ومعتصرها وحاملها والمحمولة إليه .

(Riwayat Tarmizi dan Ibnu Majah)

Maksudnya: “Arak dilaknat atas 10 keadaan iaitu; pada zatnya, orang yang memerah arak (pekerja), orang yang memerah arak untuk diminum sendiri, penjual arak, pembeli arak, pembawa arak, orang yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memakan hasil dari penjualan arak, peminum arak dan orang yang menuangkan arak kepada orang lain” (<https://almanhaj.or.id/1461-hadd-sakr-minuman-keras.html>, al-Hilali 2005: 2/223).

### (3) Dalil Ijmak

Jumhur ulama’ telah bersepakat tentang pengharaman penggunaan arak yang memabukkan sebagai minuman, pada sebarang kadar walaupun sedikit, sekiranya tiada keperluan atau padanya dan wajib dijatuhkan hukuman had minum arak kepada pesalah.

### (4) Dalil Saddu Zara’ie

Larangan berurusan jual beli arak terhadap 10 golongan yang dilaknat Rasulullah s.a.w dalam hadis Aisyah r.a adalah bagi menutup segala ruang jalan keburukan yang berpunca dari penggunaan arak sebagai minuman. Larangan tersebut dapat menjauhkan diri dari perbuatan yang haram. Maka, seorang Muslim dilarang untuk menjual anggur kepada penjual arak atau jika diketahui anggur itu akan dibuat arak.

### Jenis Arak

Rasulullah s.a.w tidak mengambil kira proses pembuatan arak sebagai sebab pengharamannya, tetapi sebarang minuman yang memabukkan merupakan arak dan ia tidak dilihat terhadap nama yang disebut mahupun bahan yang digunakan dalam pembuatannya. Saidatina Aisyah r.a telah meriwayatkan, sabda Rasulullah s.a.w (al-‘Ash’as al-Sajastani 2083: 663):

عن عائشة رضي الله عنها قالت: سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن البتع، فقال: كل شراب أسكر فهو حرام.

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah r.a, katanya: Beliau telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang arak yang diperbuat daripada madu ( البتع ), maka Baginda telah bersabda: “*Semua minuman yang memabukkan adalah haram*”.

Sahabat pernah bertanyakan Rasulullah s.a.w tentang minuman hasil perapan madu (البتع) serta barli dan jagung (المزر), maka Rasulullah s.a.w bertanya: “*Adakah ia memabukkan?*” Sahabat menjawab: “*Ya*”. Baginda berkata: “*Segala yang memabukkan adalah haram. Sesungguhnya Allah s.w.t telah berjanji bahawa orang yang minum minuman yang memabukkan akan diberi minum lumpur busuk*”. Para sahabat bertanya: “*Wahai Rasulullah, apakah lumpur busuk tersebut?*” Baginda menjawab: “*Ia adalah peluh penghuni neraka, atau perahan air ahli neraka (nanah dan darah)*” . Hadith riwayat Muslim. (al-Khin, Mustafa et.al. 2013: 3/433)

Beni Sarbeni (2009: 2/450) telah mengatakan Ibnu Umar telah meriwayatkan, sabda Rasulullah s.a.w:

كل مسكر خمر وكل خمر حرام

Maksudnya: “*Segala minuman yang memabukkan adalah arak dan segala jenis arak hukumnya haram*”.

Melalui hadis yang dinyatakan di atas, dapatlah difahami bahawa apa sahaja bahan yang boleh memabukkan serta dapat menutupi akal fikiran merupakan arak, dan tidak merujuk kepada hasil perahan dari buah anggur sahaja . Oleh itu, ia haram diminum sebagaimana pengharaman meminum arak.

Terdapat beberapa jenis arak yang kebiasaan diminum pada masa kini. Antaranya ialah:

1. Wine : Ia merupakan hasil perapan buahan terutamanya anggur.
2. Beer : Ia merupakan sejenis minuman dari perapan tumbuhan seperti barli atau gandum.
3. Wiski : Ia merupakan perapan gandum, barli, jagung atau bijian.
4. Cider : Ia merupakan hasil perapan buah epal.

## ARAK DAN MINUMAN-MINUMAN YANG MEMABUKKAN MENURUT PANDANGAN ULAMA EMPAT MAZHAB DAN FATWA

5. Vodka : Sejenis arak yang berasal dari Rusia. Ia dihasilkan dari pemerapan bijian, gandum, kentang, anggur atau gula ubi. Teksturnya lebih neutral dan tidak berbau.
6. Brandy : Ia dihasilkan melalui proses penyulingan buah anggur..

### Keburukan Arak

Allah telah menyatakan di dalam sepotong ayat di dalam al-Quran yang membawa maksud bahawa arak itu mempunyai kebaikan dan keburukan. Namun, keburukan dan kesan buruk yang terdapat pada arak itu lebih banyak berbanding dengan kebaikan yang ada padanya. Sepertimana pengertian perkataan arak itu sendiri yang bermaksud menutupi, iaitu menutupi akal manusia.

Maka jelaslah bahawa arak memberi kesan yang buruk kepada akal kerana ia dapat menghilangkan kewarasan pemikiran peminum arak. Oleh sebab itu, peminum arak dikenakan hukuman sebatan kerana kesan daripada mabuk itu bukan sahaja merosakkan diri sendiri, bahkan kesannya juga akan melibatkan orang di sekeliling yang serta melibatkan kebencian dan permusuhan sesama manusia. Malah jumbuh Fuqaha' bersetuju bahawa arak merupakan ibu segala kejahatan (al-Jaziri 2002: 5/394).

### HUKUM MEMINUM ARAK

Beni Sarbeni (2009: 2/453) mengatakan segala minuman yang memabukkan sekiranya diminum dalam kadar yang banyak boleh memabukkan, maka dengan kadar sedikitnya juga diharamkan. Dari Jabir bin 'Abdullah r.a, dia berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

ما اسكر كثيرا فليله حرام.

Maksudnya: “*Apa sahaja yang kadarnya banyak memabukkan maka kadar sedikitnya juga diharamkan.*”

Pengharaman arak adalah berdasarkan dalil nas Qat'ie dari al-Quran dan as-Sunnah. Pengharaman tersebut adalah disebabkan 'illahnya yang memabukkan. Maka barang siapa yang meminumnya akan dikenakan hukuman hudud iaitu dengan 40 kali sebatan. Sekiranya pesalah didapati bersalah kerana meminum minuman yang memabukkan selain daripada arak, maka hukuman yang akan dijatuhkan ke atasnya adalah hukuman takzir dan bukannya hukuman hudud. Cara pensabitan hukum kesalahan bagi sesiapa yang meminum sebarang minuman yang memabukkan selain daripada arak adalah dengan Qiyas, iaitu dengan pensabitan persamaan dari segi 'illahnya yang mana dengan meminumnya boleh memabukkan.

Islam memandang berat tentang pengambilan arak kerana kesannya yang juga mendorong kepada kejahatan yang besar. Larangan mendekati arak tidak sahaja terbatas kepada peminum sahaja, malah seperti telah dinyatakan sebelum ini hadis Rasulullah s.a.w yang melaknat 10 golongan yang berkaitan dalam urusan jual beli arak. Hukuman kepada peminum arak ini termasuk dalam 5 Maqasid Syariah, iaitu menjaga kesempurnaan akal manusia. Kesan dari mabuk arak akan menyebabkan si peminum terhalang dari solat apatah lagi akan menyebabkan seseorang itu lalai dari mengingati Allah. Selain itu, arak juga merupakan salah satu pembuka jalan bagi segala kejahatan. Keadaan si peminum yang mabuk itu akan mendorongnya melakukan maksiat serta tidak mustahil sekiranya dia juga secara tidak sengaja melakukan jenayah yang besar seperti membunuh.

### HUKUMAN HUDUD MINUM ARAK

Hudud merupakan perkataan jamak bagi had yang bermaksud hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dan tidak boleh diubah oleh manusia (Kamus Dewan Edisi Empat <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hudud>. 20 Ogos 2017). Hukuman had minum arak ialah sebanyak 40 kali sebatan. Namun terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama' fuqaha' mengenai kadar sebatan terhadap peminum arak.

Mazhab Syafi'e, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali berpendapat bahawa bagi kesalahan minum arak atau sejenisnya yang boleh memabukkan, sama ada peminum itu mabuk atau tidak, maka dia akan dikenakan hukuman had minum. Namun, Mazhab Hanafi berpendapat hukuman had berbeza mengikut kesalahan iaitu hukuman had minum dan had mabuk. Had minum ialah hukuman apabila

seseorang itu didapati bersalah meminum arak tidak mengambil kira dia mabuk atau tidak. Manakala, had mabuk merupakan hukuman yang dikenakan sekiranya peminum itu mabuk disebabkan minum minuman yang memabukkan selain arak.

Mazhab Syafi'e menetapkan hukuman bagi peminum arak sebanyak 40 sebatan. Bagaimanapun, mereka mengharuskan untuk mengenakan sehingga 80 kali sebatan, iaitu 40 sebatan hudud serta 40 sebatan dengan tujuan takzir. Ia diharuskan sekiranya hakim mendapati kesalahannya berat (Beni Sarbeni 2009: 2/453). Takzir merupakan hukuman yang dilaksanakan melalui keputusan pemerintah kerana tidak dinyatakan dalam nas al-Quran mahupun as-Sunnah serta bertujuan untuk memberi pengajaran. Manakala Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali bersepakat dalam mengenakan sebatan sebanyak 80 kali ke atas pesalah.

Dalam pelaksanaan hukuman hudud, Mazhab Syafi'e menegaskan bahawa hukuman ini merupakan hak Allah s.w.t. Maka setiap pesalah yang dikenakan hukuman hudud termasuk hukuman zina dan sebagainya, tidak boleh terlepas atau dielakkan dari hukuman tersebut. Hukuman hudud juga tidak boleh digugurkan. Namun, ia boleh ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu. Berbeza dengan hukuman takzir yang boleh diampunkan dengan kuasa dan budi bicara hakim atau pemerintah.

(1) Cara pensabitan hukum had minum arak:

Mazhab Syafi'e berpendapat bahawa pensabitan bagi kesalahan minum arak melalui dua kaedah iaitu:

- (i) Bukti. Pembuktian tersebut ialah penyaksian oleh 2 orang lelaki Muslim yang adil.
- (ii) Ikrar. Pengakuan itu hendaklah menyatakan bahawa dia mengaku bersalah atas tuduhan minum arak. Ia juga dapat menjadi hujah tanpa perlu mengemukakan saksi.

Imam Abu Hanifah juga bersepakat dalam hal ini. Namun, terdapat penambahan syarat bagi pengakuan pesalah, di mana pengakuan tersebut perlu dibuat dalam tempoh masa tertentu, iaitu selama masih terdapat kesan bau minuman arak pada mulut peminum tersebut.

Mazhab Maliki dan Imam Ahmad pula berpendapat bahawa bau minuman tersebut boleh menjadi bukti sabit kesalahan bagi hukuman had tanpa perlu syarat penyaksian saksi. Ini bermaksud, walaupun dua orang saksi hadir memberi keterangan bahawa terdapat bau arak dari mulut pesalah, atau hanya seorang sahaja yang melihat pesalah meminum arak dan seorang lagi mendakwa bahawa terdapat bau arak pada mulutnya, maka ia juga menjadi bukti bagi membolehkan pesalah disabitkan hukuman (A. Muhammad Sulaiman Al-Fara 2009: 2/86). Mereka juga berpendapat bahawa muntah arak boleh dijadikan sebagai bukti bagi pensabitan kesalahan minum arak (Ibid 2009: 2/87).

Manakala, Mazhab Hanafi, Syafi'e dan Hanbali pula berbeza pendapat mengeniannya. Mereka berpendapat bahawa bau arak tidak boleh menjadi bukti bagi mensabitkan hukuman. Bukti melalui bau mulut tidak disabitkan kesalahan kerana kemungkinan wujud keraguan seperti dipaksa minum atau tidak disengajakan. Maka sekiranya terdapat keraguan atau syubhah, hudud digugurkan (al-Khin, Mustafa et.al 2013: 3/434). Pendapat ini merupakan pendapat yang rajih. Mereka juga berpendapat muntah arak tidak boleh dijadikan bukti bagi mensabitkan hukuman had minum arak berdasarkan hujah yang sama (al-Fara 2009: 87).

Hukuman dalam Syariat Islam seperti Hudud dan Takzir adalah bertujuan untuk melindungi manusia dari bahaya jenayah selain dapat menjadi pengajaran buat seluruh umat Islam dari mendekati jenayah setelah mengetahui akibat dari perbuatan tersebut. Selain itu, hukuman ini juga dapat memperbaiki kesilapan pesalah agar mereka sedar dan mengambil iktibar atas apa yang berlaku. Hukuman ini juga adalah suatu cara bagi membersihkan dosa pesalah serta membebaskannya dari azab di akhirat kelak (Hukum Jenayah Islam <http://www.jais.gov.my/article/hukum-jenayah-islam>. 11 Ogos 2017).

## PERBUATAN MINUM ARAK

Mazhab Hanafi dan Maliki mensyaratkan perbuatan minum itu berlaku melalui anggota mulut tetapi sekiranya khamar atau minuman yang memabukkan itu dimasukkan ke dalam badan seseorang menerusi rongga badan yang lainnya seperti hidung atau dubur maka hukuman had bagi peminum arak tidak harus dilaksanakan ke atas pesalah kerana terdapat unsur syubhah. Namun, ia tidak terlepas dari hukuman takzir.

Mazhab Syafi'e mempunyai tiga pendapat, salah satunya adalah sama seperti ulama' Mazhab Maliki dan Hanbali. Dalam pendapat kedua, mereka mewajibkan hukuman had dijatuhkan ke atas

## ARAK DAN MINUMAN-MINUMAN YANG MEMABUKKAN MENURUT PANDANGAN ULAMA EMPAT MAZHAB DAN FATWA

pesalah biarpun arak itu dimasukkan ke dalam badannya tanpa melalui mulut seperti dia menghisapnya menerusi hidung atau menyuntikkannya ke dalam badannya. Pendapat yang ketiga pula, sesetengah yang lain mengatakan wajib dikenakan hukuman had jika ia mengambilnya menerusi hidung bukannya menerusi suntikan.

Mazhab Hanbali pula mempunyai dua pendapat mengenai isu ini, iaitu salah satunya mengatakan sekiranya arak itu dimasukkan ke dalam badan seseorang dengan melalui tekak seperti meminum atau menghisapnya dengan hidung maka pesalah tersebut wajib dikenakan hukuman had, tetapi jika dia memasukkannya melalui lubang dubur, maka dia tidak wajib dikenakan hukuman had. Manakala pendapat yang kedua pula mengatakan bahawa dalam keadaan itu, pesalah wajib dikenakan hukuman had.

Untuk dihukum seseorang itu sebagai peminum arak, adalah memadai jika arak itu sudah sampai ke dalam tekaknya walaupun ia belum lagi sampai ke bahagian dalam badannya. Tetapi jika hanya sekadar dia kumurkannya sahaja di dalam mulutnya kemudian dia meludahnya keluar maka dia tidak dikira sebagai peminum arak sebenar dan tidak diwajibkan apa-apa hukuman ke atasnya.

Jika seseorang itu minum arak kerana bertujuan untuk menghilangkan dahaga sedangkan dia mampu untuk mendapatkan air, maka dia akan dihukum sebagai peminum yang wajib dikenakan hukuman had minum arak. Akan tetapi, dia tidak dianggap bersalah jika dia meminumnya dalam keadaan terpaksa kerana ketiadaan air sama sekali. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah 2: 173:

فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Jika seseorang itu meminumnya kerana dipaksa, sama ada paksaan itu dalam bentuk paksaan fizikal atau mental, maka dia tidaklah berdosa kerana Nabi s.a.w telah bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menggugurkan kesalahan umatku akibat perbuatan yang tidak disengajakan, lupa dan dipaksa.” (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Jika seseorang itu meminumnya kerana dahaga yang mengancam nyawanya, maka menurut pendapat Mazhab Hanafi yang selaras dengan pendapat yang terkuat dalam Mazhab Maliki dan Syafi'e, peminumnya bebas dari sebarang hukuman had.

Tetapi Imam Ahmad membezakan di antara arak yang sepenuhnya atau arak yang bercampur dengan cecair lain yang kadarnya sedikit yang tidak mampu menghilangkan dahaga dengan arak yang bercampur dengan cecair lain yang mampu menghilangkan dahaga; di dalam keadaan yang pertamapeminumnya wajib dikenakan hukuman had. Sekiranya dia berada dalam keadaan yang kedua maka dia diharuskan meminumnya kerana darurat.

### Penggunaan Arak dalam Perubatan

Bagi tujuan penggunaan arak dalam perubatan, hukuman had tidak akan dikenakan disebabkan terdapat keperluan dalam penggunaannya. Namun, sebaiknya ia tidak diguna atau diminum. Ini merupakan pandangan dari Imam Abu Hanifah. Tetapi, menurut pandangan Mazhab Maliki dan Mazhab Syafi'e, hukuman had tetap akan dikenakan ke atas pesalah walaupun arak tersebut digunakan bagi tujuan perubatan. Pandangan ini diambil sebagai pandangan yang rajih.

### KAEDAH-KAEDAH FIQH DALAM MENENTUKAN MINUMAN YANG HALAL DAN HARAM.

- (1) Pada dasarnya semua minuman adalah halal diminum kecuali minuman yang dijelaskan secara nas tentang keharamannya.  
Diriwayatkan dari Anas bin Malik r.a, ia berkata, “Aku telah memberikan minum kepada Rasulullah s.a.w dengan bekas ini, semua jenis minuman: air, an-nabiz, madu dan susu.
- (2) Segala yang berkaitan arak adalah haram. Allah berfirman dalam al-Maidah 5: 90

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلُمُ رَجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “*Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan*”.

(3) Setiap yang memabukkan adalah arak

Sabda Rasulullah s.a.w:

كل مسكر حرام

Maksudnya: “*Segala sesuatu yang memabukkan adalah haram*”.

(4) Segala sesuatu yang boleh menghilangkan kewarasan akal manusia adalah haram

(5) Sesuatu yang memabukkan jika diminum dengan jumlah yang banyak, maka diminum sedikit juga haram

Rasulullah s.a.w bersabda:

كل مسكر حرام ما أسكر الفرق منه فملاء الكف منه حرام

Maksudnya: “*Segala sesuatu yang memabukkan adalah haram, dan segala yang memabukkan dalam jumlah satu farq maka satu telapak tangannya pun adalah haram*”.

*Farq* ialah jenis takaran Madinah pada ketika itu, yang boleh menampung kira-kira 16 liter air.

(6) Minuman hasil rendaman satu jenis bahan, hukumnya harus sekiranya belum mencapai batasan yang memabukkan.

Minuman yang direndam (an-Nabiz) yang dimaksudkan adalah kurma, anggur atau sebagainya yang direndam dalam air sehingga terasa manis, lalu diminum (Beni Sarbini 2009: 2/126)

## FATWA ANTARABANGSA

### Malaysia: Menggunakan Alcohol Swab dan Minyak Wangi Beralkohol

Adakah alcohol dalam pewangi itu najis dan tidak boleh dibawa solat? Bagaimana pula dengan penggunaan alcohol swab untuk memamatkan kuman semasa rawatan dan juga ketika berbekam?

- i. Pandangan Jumhur: Ulama Mazhab Syafi'e memandang bahawa alcohol adalah najis kerana ia termasuk dalam jenis bahan cecair yang memabukkan. Ini juga pendapat muktamad mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali.
- ii. Pandangan Minoriti: Mereka berpendapat bahawa arak itu haram diminum tetapi sifatnya tidak najis. Mereka menjawab istidlal kenajisan arak dalam surah al-Maidah ayat ke 90 bermaksud najis maknawi dan bukanlah najis hissi. Ini juga adalah pendapat Yusud al-Qardhawi dalam kitab Fiqh Mu'asirah.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984, telah membincangkan *Alkohol Menurut Pandangan Islam*. Muzakarah (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Irsyad Fatwa. <http://www.muftiwp.gov.my>. 9 Mac 2017) telah memutuskan bahawa:

- i. Setiap minuman arak mengandungi alcohol. Bukan semua alcohol itu mengandungi arak. Alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alcohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum.
- ii. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alcohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum
- iii. Minuman ringan yang dibuat bukan dijadikan arak atau bahan yang mabuk dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal.
- iv. Tapai halal dimakan.
- v. Alcohol yang terjadi sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.
- vi. Ubat-ubatan dan pewangi yang ada kandungan alcohol adalah harus dan dimaafkan.

### Indonesia: Hukum Alkohol Dalam Minuman



Membuat kesimpulan bahawa:

(1) Alkohol dan kesannya

- i. Alkohol yang dimaksudkan dalam pembahasan ini ialah etil alcohol atau etanol (C<sub>2</sub>H<sub>5</sub>OH)
- ii. Minuman beralkohol adalah minuman yang mengandungi alcohol (etanol) yang diperap dari berbagai-bagai jenis bahan yang mengandungi karbohidrat seperti buahan dan bijian.
- iii. Anggur ubat, anggur kolesom, arak ubat dan minuman sejenis yang mengandungi alkohol termasuk dalam minuman beralkohol.
- iv. Khamar minuman yang memabukkan, termasuk dalam minuman beralkohol
- v. Berapa pun kadar alcohol, tetap dinamakan minuman beralkohol.
- vi. Kesan negatif dari minuman beralkohol lebih besar dari kesan positifnya.
- vii. Kesan positif alkohol sebagai ubat yang diminum sudah dapat digantikan dengan bahan yang lain. Namun pada ubat luaran/ sapu masih digunakan.

(2) Status minuman beralkohol

Meminum minuman beralkohol, sedikit atau banyak, hukumnya haram. Demikian juga kegiatan membuatnya, mengedarkan, menjual, membeli dan menikmati hasil/ keuntungan dari penjualan minuman beralkohol (Hasan Basri 1993).

### Brunei : Hukum Menghadiri Majlis Yang Menghidangkan Arak

Apakah hukum menghadiri majlis yang sudah diketahui akan adanya dihidangkan minuman keras (minuman keras dihidangkan untuk orang bukan Islam)? Adakah termasuk bersubahat kerana terlebih dahulu mengetahui dan adakah wajib dia menghindari (menolak) dari datang ke majlis tersebut? Firman Allah s.w.t dalam al-Maidah 5: 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رَجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “*Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan*”.

Sabda Rasulullah s.a.w:

لعن الله الخمر وشاربيها وساقيتها وبتاعها ومبتاعها وعاصرها ومعتصرها وحاملها والمحمولة إليه.

(Riwayat Tarmizi dan Ibnu Majah)

Maksudnya: “*Arak dilaknat atas 10 keadaan iaitu; pada zatnya, orang yang memerah arak (pekerja), orang yang memerah arak untuk diminum sendiri, penjual arak, pembeli arak, pembawa arak, orang yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memakan hasil dari penjualan arak, peminum arak dan orang yang menuangkan arak kepada orang lain*”

Kedua-dua dalil nas ini jelas menegah atau melarang orang-orang Islam dari hadir dan duduk di majlis yang ada dihidangkan arak, sekiranya benar mereka itu orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, apatah lagi dengan mengetahui adanya minuman-minuman arak itu dihidangkan (al-Hilai 2005: 2/223, E-fatwas. Makanan & Minuman: Arak. <https://pibdcms.gov.bn> 27 Feb 2015 ).

### PENUTUP

Kesimpulannya, arak diharamkan untuk diminum sebagaimana yang dijelaskan dalam dalil-dalil nas al-Quran dan as-Sunnah. Pengharamannya juga bertepatan dengan keburukan yang boleh menjadi punca perpecahan manusia selain daripada merosakkan diri sendiri. Jumhur Fuqaha’ juga telah bersepakat dalam mengharamkan minuman selain perahan anggur yang boleh memabukkan seperti perahan buahan dan bijian. Menurut Mazhab Syafi’e, hukuman had bagi peminum arak ialah sebanyak 40

sebatan. Namun, Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berbeza dengan mengenakan 80 sebatan. Hukuman ini dapat menyedarkan masyarakat selain dapat memberi pengajaran terhadap pesalah.

## RUJUKAN

- Beni Sarbeni. (2009). Ensiklopedi Fiqih Wanita. Jil. 2. Cet. 2. Bogor: Pustaka Ibnu Kathir.
- E-fatwas. Makanan & Minuman: Arak. <https://pibdcms.gov.bn>. 27 Feb 2015.
- al-Fara, A. Muhammad Sulaiman. (2009). Masa'ail fi al-Fiqh al-Muqaran 2. Gaza: Islamic University of Gaza.
- Hasan Basri. (1993). Muzakarah Nasional Tentang Alkohol Dalam Produk Minuman. Jakarta: Himpunan Fatwa Majlis Ulama Indonesia.
- al-Hilali, Salim bin 'Ied. (2005). Ensiklopedi Larangan Menurut Al-Quran dan As-Sunnah. Jilid 2. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- <https://almanhaj.or.id/1461-hadd-sakr-minuman-keras.html>.
- Hukum Jenayah Islam <http://www.jais.gov.my/article/hukum-jenayah-islam>. 11 Ogos 2017.
- al-Jaziri, Abdul Rahman. (2002). *Kitab al-Fiqh 'Ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Juz 5. Terbitan Kedua. Beirut: Dal al-Kitab al-'Ilmiah.
- al-Kasani, Ala Al-Din. (1982). *Badai' al-Sanai`*. J.5. Beirut: Dar Kutub al-Arabi.
- al-Khin, Mustafa, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Syarbaji. (2013). *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Imam as-Syafi'ie*. Jil. 3, Ed. 14. Damsyiq: Darul al-Kalam.
- Nik Nizam Nasir. (2015). *Aku Bukan Pendosa: 70 Dosa Besar yang Wajib Dihindar*. Kuala Lumpur: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Irsyad Fatwa. <http://www.muftiwp.gov.my>. 9 Mac 2017.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP Malaysia, Kamus Dewan Edisi Empat <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hudud>. 20 Ogos 2017.
- Qardawi, Yusuf. (1998). *Halal & Haram Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Jasmin Enterprise.
- al-Sajastani, Abi Daud Sulaiman bin al-'Ash'as al-Azdi. (1983). *Sunan Abi Daud "Kitab al-Asyribah"*. No hadis 3682. Syria: Darul Hadis.
- al-Sarakhasi. (1982). *al-Mabsut*. J. 24. Beirut: Dar al-Makrifah.